

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
[ TUARAN ]**

**TARIKH : 12 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan setiap cadangan yang terkandung dalam Laporan RCI Mengenai Pendatang Tanpa Izin di Sabah terutama sekali cadangan untuk menggantikan kad pengenalan yang ada sekarang kepada yang baru dan bercirikan digital.

**JAWAPAN**

**YB DATUK DR. ABDUL LATIFF BIN AHMAD  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Berkaitan cadangan pertama Laporan Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Pendatang Tanpa Izin di Sabah, pihak Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) pada 3 Disember 2014. Jawatankuasa ini dipengerusikan secara bersama antara Menteri Dalam Negeri dan Ketua Menteri Sabah.
2. Bagi pelaksanaan cadangan kad pengenalan diri khas kepada pendatang tanpa izin pula, Mesyuarat JKPWAS pada 12 Mei 2015 telah bersetuju pelaksanaan Pas Residen kepada pendatang asing di Sabah untuk mengelak risiko pemalsuan dokumen. Pas Residen ini kemudiannya telah ditukar nama kepada Pas Residen Sementara Sabah (PRESS) pada tahun 2016.
3. Pada tahun 2019, PRESS telah ditukar nama kepada Pas Sementara Sabah (PSS) dengan matlamat menggabungkan semua pemegang kad IMM13 yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Kad Burung-Burung yang dikeluarkan oleh Jabatan Ketua Menteri dan Kad Banci yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Walau bagaimanapun, pelaksanaan PSS ini telah dibatalkan pada 22 Januari 2020.
4. Dalam hubungan ini, pihak Kerajaan sedang dalam proses meneliti semula strategi pelaksanaan yang bersesuaian untuk cadangan ini. Melalui platform JKPWAS, kedua-dua pihak sentiasa mencari jalan penyelesaian terbaik bagi memastikan isu pendatang tanpa izin dapat diselesaikan dengan baik.
5. Kerajaan Persekutuan dan Negeri kekal komited untuk melaksanakan semua cadangan dalam Laporan RCI Mengenai Pendatang Tanpa Izin di Sabah.

Sekian, terima kasih.